

SEP 2024 / BIL. 12 / 2024

EON

Epitome of Nature

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

KELESTARIAN MAKANAN MELALUI KEBUN KOMUNITI

Noorsyam Yusof¹, dan Nur Illani Abd Razak²

¹Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau,
02600 Arau, Perlis

²Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Perlis,
Kampus Arau,
02600 Arau, Perlis

noorsyamcy@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

Kebun komuniti adalah satu inisiatif awam yang semakin mendapat perhatian di Malaysia sebagai usaha untuk meningkatkan keselamatan makanan dalam kalangan komuniti setempat. Selain daripada menyediakan sumber bekalan makanan yang segar dan berkhasiat, kebun komuniti berfungsi sebagai platform untuk memupuk hubungan sosial yang positif dalam kalangan masyarakat, sekaligus menyokong pembangunan masyarakat yang lebih mampan. Inisiatif ini bukan sahaja memfokuskan kepada aspek bekalan makanan, tetapi juga memberikan sumbangan besar dalam memperkukuh jaringan sosial dan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar.

Keselamatan makanan merupakan satu isu global yang semakin mendesak perhatian pelbagai pihak di seluruh dunia. Akses yang stabil dan mencukupi kepada sumber makanan yang berkualiti dan bernutrisi adalah asas kepada pelaksanaan kebun komuniti. Kebun komuniti berfungsi bukan sahaja untuk menangani isu

kekurangan makanan tetapi juga untuk mengatasi ketergantungan terhadap makanan yang diimport dari luar negara. Dengan menyediakan alternatif kepada pasaran makanan luar, kebun komuniti membantu memastikan masyarakat setempat mempunyai akses kepada makanan yang segar dan berkhasiat. Selain daripada mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, kebun komuniti

mampu memperkukuhkan kemandirian komuniti dalam aspek keselamatan makanan. Dalam mendepani cabaran urbanisasi dan pertumbuhan populasi yang pesat, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang agenda untuk memperkasa komuniti melalui pendekatan yang kreatif dan inovatif dengan memperkenalkan Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB) pada Februari 2019. DKKB yang dirangka ini bertujuan memperkasa komuniti bandar untuk mengoptimalkan tanah atau ruang persekitaran melalui aktiviti perkebunan. Dasar yang diperkenalkan ini dilihat bukan sahaja dapat menangani cabaran baharu berikutan kepesatan pembangunan bahkan juga dapat mendokong komitmen Malaysia memenuhi matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* 2030,



Gambar 1: Aktiviti amalan pertanian baik boleh memupuk semangat kerjasama dan mewujudkan masyarakat yang sejahtera (Sumber: Kebun Komuniti Hartamas)

dengan mengintegrasikan elemen pembangunan ekonomi, perkembangan sosial dan pemuliharaan alam sekitar. Pembangunan DKKB ini telah mengambil kira serta menyokong dasar-dasar sedia ada seperti Dasar Landskap Negara, Dasar Perbandaran Negara, Dasar Pertanian Negara dan Dasar Komuniti Negara. Dokumen DKKB juga disertakan dengan Garis Panduan Pelaksanaan Kebun Komuniti sebagai rujukan kepada masyarakat untuk menjalankan aktiviti perkebunan secara selamat dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

Program Kebun Komuniti telah mengalami evolusi sejak tahun 1997. Bermula dari kawasan perumahan setempat, kebun komuniti juga boleh diperluaskan di kawasan hijau terbiar, kawasan rizab infrastruktur, kawasan kemudahan masyarakat, kawasan rizab sungai dan kawasan komersial dan perindustrian di seluruh negara. Kawasan yang terpilih mestilah tertakluk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta peraturan semasa kawasan berkenaan. Usaha mempergiatkan aktiviti kebun komuniti mula dilaksanakan pada tahun 2013 melalui Program Rakan Taman. Program ini pada dasarnya untuk menggerakkan penglibatan komuniti secara sukarela dalam penyelenggaraan dan pengindahan taman di

persekitaran kawasan perumahan di samping menjalankan aktiviti pertanian bandar.

Kebun komuniti juga berpotensi untuk menjadi pusat aktiviti ekonomi dan sosial yang bermanfaat. Aktiviti seperti penjualan hasil tanaman, hari terbuka, dan bengkel berbayar mengenai teknik berkebun adalah contoh bagaimana kebun komuniti dapat menjana pendapatan dan menyediakan peluang ekonomi kepada masyarakat setempat. Program-program ini bukan sahaja memberikan peluang kepada individu untuk memperoleh pendapatan tambahan tetapi juga meningkatkan kesedaran masyarakat tentang teknik pertanian yang mampan dan amalan berkebun yang baik.

Dalam konteks memupuk keberdayaan masyarakat,

kebun komuniti mengumpulkan individu dari pelbagai latar belakang kehidupan. Melalui kerjasama dalam aktiviti berkebun dan pengurusan tanaman, mereka dapat menggembeling tenaga, menyumbang pengetahuan, dan berkongsi kemahiran masing-masing. Aktiviti-aktiviti ini tidak hanya meningkatkan kebolehan individu dalam menguruskan makanan mereka sendiri, tetapi juga memperkukuhkan rasa tanggungjawab terhadap kebajikan bersama. Kesedaran tentang tanggungjawab sosial ini adalah komponen penting dalam membangunkan masyarakat yang lebih peka dan bersatu padu.

Kewujudan kebun komuniti juga memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar.



Gambar 2: Hasil tuaian kebun komuniti yang boleh dipasar dan dijual sekitar kawasan perumahan (Sumber: Kebun Komuniti Hartamas)

Amalan pertanian organik yang diterapkan dalam kebun komuniti membantu memelihara dan meningkatkan kesuburan tanah, serta menjaga kebersihan air tempatan. Pertanian organik adalah satu pendekatan yang mesra alam, yang mengurangkan penggunaan bahan kimia berbahaya dan menyokong keseimbangan ekosistem. Melalui amalan ini, kebun komuniti bukan sahaja memastikan kelestarian tanaman dan haiwan, tetapi juga menyumbang kepada usaha global dalam mengurangkan pencemaran dan memelihara sumber semula jadi.

Selain itu, kebun komuniti berpotensi untuk berfungsi sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan. Dengan menawarkan program-program pendidikan dan latihan, masyarakat dapat didedahkan kepada konsep pertanian mampan, keseimbangan ekosistem, pemakanan seimbang, dan teknik-teknik untuk memaksimumkan hasil



Gambar 3: Jualan Hari Terbuka Kebun
(Sumber: Kebun Komuniti Hartamas)

tanaman. Inisiatif ini tidak hanya memberikan pengetahuan praktikal kepada komuniti tetapi juga menggalakkan generasi muda untuk mengembangkan minat dalam bidang pertanian. Kesedaran ini penting untuk memastikan kesinambungan amalan pertanian yang baik dan kelestarian alam sekitar di masa hadapan.

Secara keseluruhannya,

pembangunan kebun komuniti adalah satu usaha yang sangat bermanfaat di mana masyarakat boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat keselamatan makanan, memperkukuhkan hubungan sosial, dan melindungi alam sekitar. Dengan sokongan berterusan daripada pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan sukarelawan, kebun komuniti mempunyai potensi untuk menjadi model dalam usaha global mencapai sasaran sifar kemiskinan dan kelaparan, serta meningkatkan kualiti hidup secara menyeluruh.

Kesimpulannya, melalui pelaksanaan kebun komuniti yang berkesan dan berdaya tahan, kita bukan sahaja dapat memperkukuhkan keselamatan makanan tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat secara keseluruhan.



Gambar 4: Penggunaan baja dan racun organik menyokong keseimbangan ekosistem
(Sumber: Kebun Komuniti Hartamas)